


PROFIL SYARIKAT



SYARIKAT MILIK HUMAN TOUCH RESOURCES GROUP SDN BHD ((1326244-P)

Ketahui Lanjut Mengenai Kami:
www.picenter.com.my



PENGENALAN

Dalam tempoh 30 tahun yang lalu, ramai pengkaji telah memperkatakan mengenai fenomena sokongan sosial, terutama bagi tujuan kesihatan. Kajian menunjukkan bahawa individu yang memiliki sokongan sosial yang tinggi, serta jaringan sosial yang baik mampu menghindarkan diri daripada masalah kesihatan mental seperti stres, kemurungan, kebimbangan dan tekanan psikosis.

PSYCHOLOGY ISLAMIC CENTER menyedari akan keperluan mengekalkan kesejahteraan psikologi kepada masyarakat Malaysia, telah mengambil langkah inisiatif membangunkan sebuah pusat Psikologi yang berteraskan kod personaliti sebagai *tool* terpenting dalam proses perkembangan Psikologi bermula seawal usia kanak-kanak sehingga lewat dewasa. Peningkatan terhadap jenis masalah yang dihadapi manusia masakini, menjadikan perkhidmatan Psikologi semakin diperlukan, sesuai dengan keadaan dan keperluannya.

Pusat ini beroperasi memberikan perkhidmatan serta sokongan Psikologi berdasarkan kepada setiap proses perkembangan manusia, termasuk anak-anak berkeperluan khas, golongan kanak-kanak, remaja, dewasa dan orang tua. Fokus penyampaian perkhidmatan adalah pembangunan kendiri (*self-development skills*) yang berteraskan patuh syariah (*syariah compliance*), dengan ruang persekitaran bertaraf 5 bintang serta



memberikan perkhidmatan dan menyampaikan perkembangan kepada klien secara jujur dan telus. Sokongan psikologi yang distrukturkan oleh PIC merangkumi sokongan mental, emosi, fizikal dan tingkah laku. Khidmat nasihat serta terapi yang disarankan kepada klien adalah berdasarkan Kecerdasan Personaliti yang diperolehi daripada Ujian Personaliti Biometrik atau Psikometrik. Kami yakin bahawa perkembangan setiap individu adalah berbeza, dan cara terbaik mengetahui pendekatan yang bersesuaian adalah melalui **UJIAN PERSONALITI !**

“We cannot change anything unless we accept it”


~Carl Jung, Psychologist~

VISI DAN MISI



Menyampaikan Perkhidmatan Psikologi Untuk Pembangunan Kendiri Yang Berasaskan Patuh Shariah (*Shariah Compliance*), Jujur Dan Telus Dalam Menjalankan Tanggungjawab Yang Diamanahkan Klien Dan Sentiasa Bersedia Menyampaikan Perkhidmatan Sekiranya Diperlukan

1. Menyampaikan perkhidmatan Psikologi untuk pembangunan kendiri berdasarkan kod personality dan berdasarkan tahap perkembangan manusia termasuk kanak-kanak berkeperluan khas dan;
2. Memberikan perkhidmatan yang mampu bayar (affordable) dan terapeutik serta bertaraf 5 bintang kepada masyarakat Malaysia.



PERKHIDMATAN OLEH PIC

10 PERKHIDMATAN UTAMA

Perkhidmatan Psikologi di bawah *Psychology Islamic Center* menggariskan 10 perkhidmatan utama iaitu;



PERKHIDMATAN

Psychology Islamic Center

10 perkhidmatan utama yang memberi sokongan mental, emosi, tingkah laku dan fizikal



UJIAN PERSONALITI ANAK BERKEPERLUAN KAUNSELING KHAS



LATIHAN



PERKAHWINAN DAN PRA-PERKAHWINAN



TERAPI



KEIBUBAPAAN



KONSULTASI UMRAH
PRIVASI / VIP



KELAS BIMBINGAN
AL-QURAN / IQRA'



CORPORATE CARE
PROGRAMME

Dapatkan perkhidmatan kami menerusi langkah berikut:-



1 Layari www.picenter.com.my atau Facebook; Picenter Malaysia Instagram; picenter_malaysia



2 Hubungi Psychology Islamic Center melalui telefon / whatsapp
011-58582949 / 03 – 8322 4922



3 Tentukan perkhidmatan yang diperlukan



4 Kami akan beri maklum balas



5 Hadir ke tempat kami atau Kami ke tempat anda

UJIAN PERSONALITI



Ujian Personaliti Biometrik

- Ujian yang dapat menentukan personaliti genetik menggunakan *fingerprint* anda berdasarkan lingkaran-lingkaran pada jari kerana terdapat perkaitan aktiviti dominan pada belahan otak individu yang akan menentukan jenis kecerdasan personaliti
- Ujian yang telah dibuktikan sebanyak 90% sahih dan *accurate* serta dapat mengukur personaliti
- Ujian yang membantu eksplorasi dan mengetahui rahsia personaliti diri yang anda tidak sedar selama ini, seawal usia tiga (3) tahun
- Ujian yang bakal memberitahu kekuatan @ kelebihan diri anda, bahasa cinta yang tepat berdasarkan kecerdasan personaliti, suplemen terbaik mengikut personaliti dan membantu dalam proses pembelajaran serta pengajaran



Ujian Personaliti Psikometrik

- Ujian yang dapat melihat kecenderungan individu mengikut minat, nilai keinsanan diri dan bakat unik dalam diri menggunakan set soal selidik
- Merupakan suatu kaedah yang agak berkesan dalam mengetahui personaliti anda yang terkini, membantu untuk kerjaya dan penyelesaian masalah harian
- Ujian yang telah dipastikan kebolehpercayaan dan kesahan yang tersendiri
- Ujian psikometrik yang terdapat di PIC adalah *Myers Briggs Type of Indicator (MBTI)* dan Alat Ujian Berjenama Sidek
- **Ujian MBTI** adalah ujian yang dibangunkan di Amerika Syarikat (US), namun telah dinormalisasi mengikut budaya dan masyarakat Asia. Sekurang-kurangnya 100 buah Negara di dunia telah menggunakan ujian ini. Terdapat dua (2) versi bahasa Ujian MBTI di PIC iaitu; **Bahasa Inggeris** dan **Bahasa Melayu**.
- Ujian MBTI akan menentukan satu (1) jenis personaliti anda daripada enam belas (16) jenis personaliti MBTI
- **Ujian Berjenama Sidek** adalah alat ujian yang dibangunkan di Malaysia yang mengandungi empat (4) jenis ujian iaitu; Inventori Personaliti Sidek (IPS), Inventori Personaliti Warna (IPW), Inventori Minat Kerjaya (IMK) dan Inventori Nilai dan Pekerjaan Sidek (INPS)

ANAK BERKEPERLUAN KHAS (ABK)



Merujuk kepada kanak-kanak yang mempunyai karakter khas yang berbeza daripada kanak-kanak biasa secara amnya yang tidak sentiasa menunjukkan ketidakupayaan mental, emosi maupun fizikal. Di antara perkara yang termasuk dalam skop ABK adalah seperti permasalahan pembelajaran, gangguan perilaku, anak berbakat, anak dengan gangguan kesihatan dan permasalahan dalam bersosialisasi. PIC memfokuskan rawatan dan terapi alternatif dalam membantu perkembangan ABK sesuai dengan potensi mereka melalui medium berikut:-

- **Ujian Biometrik**- Ujian yang dapat menentukan personaliti genetik menggunakan *fingerprint* berdasarkan lingkaran-lingkaran pada jari. Lingkaran pada jari menunjukkan aktiviti dominan pada belahan otak individu, yang akan menentukan jenis kecerdasan personaliti. Setiap ABK disarankan untuk melaksanakan ujian ini. Ini bertujuan memudahkan ibu bapa untuk mendidik dan mengawal anak dengan menggunakan kebolehan dan kekuatan mereka.
- **Urut Saraf Aktif Minda** – Satu jenis urutan khas yang melibatkan terapis yang berkemahiran saraf dalam membantu ABK. Terapi jenis ini berfokus kepada urutan saraf yang bertujuan merawat dan memulihkan bagi merangsang titik (points) saraf serta **meningkatkan pengaliran dan keseimbangan (flexibility)** dari

pusat minda ke seluruh jaringan tubuh. Terapi jenis ini mampu merangsang perkembangan kognitif dan otak kanak-kanak.

- **Speech Therapy** – Dikendalikan oleh ahli Patologi yang berkelulusan dan pengalaman profesional. Terapi jenis ini merujuk kepada terapi bahasa dan pertuturan khusus kepada anak yang mengalami isu “lewat boleh bertutur”. Terapi ini penting kerana kanak-kanak memerlukan pengetahuan dan kefahaman bahasa yang baik untuk mula bercakap. Selain itu, rangsangan bahasa yang betul akan lebih menggalakkan pemerolehan bahasa dan pertuturan. Di antara perkara yang akan dilaksanakan semasa terapi adalah seperti gerakan otot pertuturan, memperkuuh pendengaran anak sehingga boleh menghasilkan bunyi pertuturan selain membentuk model dan rangsangan bahasa yang memerlukan komitmen ibu bapa dan penjaga.
- **Expressive Art Therapy** – Satu kaedah psikologi dalam membantu ABK dan diyakini terapi ini dapat membantu dalam menggalakkan perkembangan kognitif dan kreativiti mereka. Terapi ini bertujuan mengembangkan bakat serta potensi anak dan sangat sesuai dijadikan rawatan untuk ABK. Di antara jenis terapi yang akan dijalankan seperti; **terapi seni (creative art therapy)**, **terapi bermain (play therapy)** dan **terapi pasir atau tanah liat (sand / clay therapy)**. Terapi ini bakal menggalakkan anak-anak untuk eksplorasi, perkongsian cerita dan percambahan idea serta pemikiran secara tanpa sedar.

KAUNSELING / PERSONAL LIFE COACHING



Satu kaedah menolong individu atau kumpulan secara profesional berdasarkan **Acta Kaunselor 580**. Fokus sesi kaunseling atau konsultasi psikologi kami meliputi isu seperti berikut:-

- **Individu** – Merupakan sesi pertemuan secara bersemuka di antara Kaunselor / Ahli Psikologi dengan Klien yang diadakan secara sukarela. Semasa sesi, Kaunselor / Ahli Psikologi akan memberi kefahaman kepada Klien tentang matlamat serta limitasi sesi yang dilaksanakan. Di antara isu yang boleh dibincangkan bersama Kaunselor / Ahli Psikologi adalah seperti; **Tekanan (Stres), Kemurungan, Masalah Tempat Kerja, Perhubungan, Konflik Diri, Kewangan, Keluarga, Rumahtangga, Identiti dan Kerjaya**.
- **Kaunseling Positif** – Merujuk kepada suatu kaedah **“humanistic”** yang berfokus kepada **“science of happiness”**. Matlamat utama sesi ini adalah untuk meminimakan elemen negatif dalam pemikiran dan tingkah laku individu, supaya impak positif diperolehi tanpa meninggalkan cara kehidupan sosial, profesional dan pegangan agama masing-masing. Kaedah ini bukan suatu kaedah baru yang menggantikan cara dan kaedah terapi tradisional, tetapi merupakan suntikan tambahan kepada **keseimbangan psikologi diri, meningkatkan kemahiran diri, keyakinan diri, meningkatkan motivasi dan akan menjadi sesuatu yang sangat membantu bagi saudara baru**.
- **Kaunseling ketagihan** – Ketagihan boleh dibahagikan kepada **ketagihan bahan (substance addiction)** seperti dadah dan ubat-ubatan lain dan **ketagihan bukan bahan (non-substance)** seperti Rokok, Dadah, Alkohol, *Shopaholic*, Teknologi, Ketagihan Makanan, Kerja dan Seksualiti. Fokus sesi ini adalah membantu mengurangkan ketagihan yang dialami individu tanpa melibatkan pengambilan bahan-bahan ubatan maupun suntikan.

- **Kaunseling VIP** – Merupakan sesi eksklusif kepada individu tertentu seperti VIP, berdasarkan kepada permintaan khusus oleh individu berkenaan tanpa ada sebarang kekangan terhadap isu yang ingin dikongsi. Kaunselor yang dilantik adalah dalam kalangan berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang ini.
- **Sesi Bimbingan Kinikal** – Bimbingan kinikal akan membantu navigasi terhadap emosi dan kesihatan klien. Biasanya sesi ini melibatkan klien yang telah didiagnos oleh mana-mana Pakar / Pegawai Perubatan daripada mana-mana hospital (kerajaan / swasta) dan mengalami permasalahan berkaitan mental. Sesi akan dilaksanakan oleh Clinical Psychologist berdasarkan isu seperti tekanan, kerunsungan, keresahan, kemurungan, kecelaruan tabiat (*Habit Disorders*), masalah pembelajaran, pekerjaan, masalah interpersonal, masalah sosial, pasangan, perkahwinan, masalah penyesuaian dan masalah psikologi kinikal yang lain.

LATIHAN



Selain berupaya menyediakan perkhidmatan psikologi kepada klien, kami juga pakar dalam pengendalian latihan organisasi. Modul kursus yang dibangunkan oleh kami adalah menepati serta bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa organisasi seperti:

- **Pra Persaraan** – Modul yang bersesuaian untuk kakitangan yang akan bersara sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebelum tempoh persaraan. Modul ini juga bersesuaian dengan kakitangan Perkhidmatan Awam dan Swasta. Matlamat modul ini adalah:-
 - Memahami alam persaraan secara psikologi yang akan ditempuh oleh pesara;
 - Mengetahui faedah-faedah yang diperoleh daripada persaraan;
 - Mengetahui tentang faedah terbitan dan perubatan / PERKSEO / KWSP;
 - Mengetahui kebaikan dan kelebihan persaraan SSM / KWSP; dan
 - Mengetahui cara **mengurung WANG** Graduiti & Pencen beserta Pelaburan yang SELAMAT.
- **Motivasi** – Motivasi merupakan salah satu keperluan dalam hidup yang mesti diberi tumpuan. Menerusi suntikan motivasi yang betul, sesuai mengikut acuan kecerdasan personaliti akan memberikan impak besar bukan sahaja kepada individu, malahan organisasi serta persekitarannya. Pakej latihan motivasi yang disediakan meliputi modul khas untuk penyelia, kakitangan, pegawai berprestasi tinggi, pegawai berprestasi rendah dan modul berfokus seperti *work life balance*.
- **Team Building** – Modul Baru 2020 bagi program pengukuhan pasukan akan menggunakan Ujian Biometrik dalam keseluruhan program. Sebuah pasukan yang efektif adalah saling melengkapi di antara ahli kumpulan dan Ujian Biometrik sangat berkesan serta membantu mengetahui jenis personaliti diri mahupun rakan sepasukan. Ianya bukan sahaj mampu meningkatkan kesefahaman tetapi juga memaksimakan kemampuan dan potensi diri. Kenali diri sebelum kenali orang lain !

- **Pelaburan dan Bisnes** – Modul yang sesuai kepada semua golongan; muda, pertengahan usia dan golongan lewat dewasa. Modul akan dikendalikan oleh tenaga pengajar bertaraf antarabangsa yang pernah dijemput ke Timur Tengah dan Eropah serta bakal memberi pendedahan mengenai:-
 - pengurusan kewangan peribadi, teknik-teknik pelaburan;
 - teknik mengenalpasti *scammer* dalam perniagaan mahupun pelaburan;
 - mempelajari secara terperinci bagaimana membina perniagaan;
 - mempelajari lima (5) kaedah memaksimumkan keuntungan sama ada pelaburan atau perniagaan; dan
 - mempelajari empat (4) sistem perniagaan yang mantap.
 - MAP Bisnes.
- **Pelajar Universiti / Kolej** – Selain memberi fokus kepada golongan dewasa dan organisasi, kami turut menyediakan modul yang dapat membantu pelajar universiti / kolej dalam isu-isu tertentu. Ini kerana para pelajar universiti / kolej hari ini berhadapan dengan cabaran sosial yang jauh lebih membimbangkan berbanding suatu ketika dahulu. Di antara modul yang bersesuaian adalah seperti:-
 - **Siswa Bantu Siswa** – membentuk kumpulan pelajar yang dapat membantu sesama rakan terutama dalam isu yang menjurus kepada kesihatan mental
 - **Motivasi** – *booster* untuk terus mempunyai semangat belajar dan tidak mudah terpengaruh dengan persekitaran negatif
 - **Mentor & Menti** – Tenaga pengajar atau kakitangan universiti / kolej menjadi mentor kepada pelajar-pelajar yang dikenalpasti bersesuaian mengikuti modul ini (pelajar dengan PNGK rendah atau pelajar bermasalah). Psikologi dalam pendidikan dapat memberi impak hebat kepada motivasi dan prestasi pelajar.
- **Customade Module** – Tawaran kami kepada Syarikat berkaitan Kerajaan serta Agensi di bawah Kementerian atau mana-mana organisasi swasta untuk pengurusan kesejahteraan psikologi Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu. Modul 360 pusingan darjah ini bukan sahaja untuk kakitangan di organisasi tetapi untuk pelanggan utama syarikat.

PERKAHWINAN DAN PRA-PERKAHWINAN



Merupakan modul yang dibangunkan secara eksklusif oleh PIC dalam membantu pasangan yang bakal berkahwin atau telah berkahwin untuk mencapai keserasian hubungan rumah tangga berdasarkan Ujian Biometrik.

- Ujian yang dapat menentukan personaliti genetik menggunakan *fingerprint* anda berdasarkan lingkaran-lingkaran pada jari kerana terdapat perkaitan aktiviti dominan pada belahan otak individu yang akan menentukan jenis kecerdasan personaliti
- Tujuan Ujian Biometrik dilaksanakan adalah untuk mengenali diri sendiri dan sifat semulajadi yang telah dikurniakan sebelum mengenali pasangan
- Konsultasi perkahwinan akan mengupas tahap keserasian pasangan berdasarkan teori personaliti menakluk dan ditakluk berdasarkan kecerdasan personaliti serta bagaimana menggunakan bahasa cinta yang bersesuaian sekiranya anda ditakluk oleh pasangan!

- Teori lain yang digunakan dalam konsultasi adalah bagaimana di antara pasangan boleh menjadi individu yang menyokong serta sentiasa mendorong, membina rasa cinta yang berterusan serta bagaimana menerusi personaliti biometrik ini pasangan boleh membantu dalam diet serta penjagaan kesihatan sesama mereka
- Pasangan turut diberi pendedahan mengenai teori fenotip biometrik yang sesuai dalam mencipta kedamaian di antara pasangan



Pendekatan kaunseling dalam memperkuuh hubungan perkahwinan

- Merupakan **sesi kaunseling perkahwinan** oleh Kaunselor Perkahwinan dengan menggunakan teori-teori dan strategi kaunseling
- Tujuan sesi ini adalah untuk mencapai persefahaman dan kesediaan (pra-perkahwinan) dalam menerima kekurangan pasangan serta menjadi individu pelengkap di antara pasangan

TERAPI



Merupakan Kaedah rawatan dan terapi alternatif yang ditawarkan oleh PIC dalam membantu perkembangan individu dewasa dan kanak-kanak

- **Urut Saraf Aktif Minda** – Satu jenis urutan khas yang melibatkan terapis yang berkemahiran saraf dalam membantu ABK. Terapi jenis ini berfokus kepada urutan saraf yang bertujuan merawat dan memulihkan bagi merangsang titik (points) saraf serta **meningkatkan pengaliran dan keseimbangan (flexibility)** dari pusat minda ke seluruh jaringan tubuh. Terapi jenis ini mampu merangsang perkembangan kognitif dan otak kanak-kanak.
- **Speech Therapy** – Dikendalikan oleh ahli Patologi yang berkelulusan dan pengalaman profesional. Terapi jenis ini merujuk kepada terapi bahasa dan pertuturan khusus kepada anak yang mengalami isu “lewat boleh bertutur”. Terapi ini penting kerana kanak-kanak memerlukan pengetahuan dan kefahaman bahasa yang baik untuk mula bercakap. Selain itu, rangsangan bahasa yang betul akan lebih menggalakkan pemerolehan bahasa dan pertuturan. Di antara perkara yang akan dilaksanakan semasa terapi adalah seperti gerakan otot pertuturan, memperkuuh pendengaran anak sehingga boleh menghasilkan bunyi pertuturan selain membentuk model dan rangsangan bahasa yang memerlukan komitmen ibu bapa dan penjaga.
- **Expressive Art Therapy** – Satu kaedah psikologi dalam membantu ABK dan diyakini terapi ini dapat membantu dalam menggalakkan perkembangan kognitif dan kreativiti mereka. Terapi ini bertujuan mengembangkan bakat serta potensi anak dan sangat sesuai dijadikan rawatan untuk ABK. Di antara jenis terapi yang akan dijalankan seperti; **terapi seni (creative art therapy)**, **terapi bermain (play therapy)** dan **terapi pasir atau tanah liat (sand / clay therapy)**. Terapi ini bakal menggalakkan anak-anak untuk eksplorasi, perkongsian cerita dan percambahan idea serta pemikiran secara tanpa sedar.

KEIBUBAPAAN



PIC sentiasa memahami akan keperluan ilmu keibubapaan / parenting sebagai ilmu yang perlu dikuasai untuk mendidik anak-anak merangkumi aspek tanggungjawab, kawalan, komunikasi, tindak balas, rangsangan dan cara mendidik

- **Ujian Biometrik (Ibubapa)** – Ujian yang dapat menentukan personaliti genetik menggunakan *fingerprint* berdasarkan lingkaran-lingkaran pada jari. Lingkaran pada jari menunjukkan aktiviti dominan pada belahan otak individu, yang akan menentukan jenis kecerdasan personaliti. Mengetahui personaliti yang menyokong, menakluk, mentor & coach untuk anak anda.
- **Ujian Biometrik (Anak)** – Suatu Kaedah penilaian personaliti berdasarkan kepada biometrik (cap jari) individu seawal umur kanak-kanak 3 tahun. Kaedah ini berkesan untuk mengetahui potensi serta personaliti tanpa menggunakan kertas dan pensil, di mana ia terbukti 90% konsisten serta boleh dipercayai. Ujian ini berupaya menunjukkan kekuatan dan kelebihan diri berdasarkan genetik. Kelebihan lain ujian biometrik PIC adalah dapat mengetahui suplemen terbaik bersesuaian kecerdasan personaliti, aktiviti *outdoor* yang bersesuaian serta kaedah untuk kasih sayang dalam keluarga.
- **Konsultasi (Parenting)** – Konsultasi kepada ibu bapa / penjaga (parents) dalam mengetahui jenis gaya bersesuaian dengan kecerdasan personaliti ibu bapa ketika mendidik anak; seperti gaya kanan, gaya kiri, gaya atas, gaya bawah, gaya produksi, gaya organisasi atau gaya bebas. Gaya keibubapaan ini berkesan dalam membantu mengurus potensi dan disiplin anak-anak.
- **Konsultasi (Learning)** – Konsultasi ini khas kepada anak-anak. Sesi yang ditawarkan PIC meliputi konsultasi kepada ibu bapa dan juga anak. Gaya pembelajaran yang sesuai dengan kecerdasan personaliti merupakan intipati sesi ini. Dengan mengetahui cara gaya pembelajaran anak, ibu bapa boleh merancang masa depan anak, serta menerapkan nilai disiplin sesuai dengan kecerdasan anak.
- **School Refusal** – Merupakan sesi bimbingan untuk ibubapa dan anak-anak yang tidak minat untuk ke sekolah (*school refusal*). Kenali personaliti diri (ibu bapa / parents) dan kemudian kenalilah personaliti anak untuk mengembalikan motivasi anak ke sekolah. Konsultasi ini merangkumi sesi konsultasi keibubapaan dan konsultasi pembelajaran anak berdasarkan kecerdasan personaliti yang diperoleh daripada Ujian Biometrik oleh PIC.

KONSULTASI UMRAH PRIVASI / VIP



Merupakan sesi konsultasi eksklusif kepada bakal tetamu Allah (*Dhuyufur Rahman*) dalam mempersiapkan fizikal, emosi, kognitif dan spiritual klien untuk mengerjakan umrah:

- **1ST timer** – Penjelasan mengenai perkara penting yang perlu anda ambil tahu sebelum memilih mana-mana pakej mengerjakan ibadah umrah (sangat penting untuk elak ditipu agen menunaikan umrah)
- **Ibadah Umrah** – Pengenalan mengenai ibadah umrah, syarat, rukun dan wajib umrah. Penjelasan berkaitan segala perkara berkaitan dengannya seperti pantang larang umrah, persiapan mental, emosi, spiritual dan fizikal.
- **Tips di Masjidil Haram dan Kaabah** – Perkongsian tips ketika berada di Kaabah serta mengetahui *scammer* yang terdapat di Kaabah serta tips bagi melipat gandakan pahala sepanjang di Kota Mekah
- **Tips di Masjid Nabawi dan Raudhah** – Tips yang perlu diketahui untuk Jemaah lelaki dan wanita kerana cara ke Raudhah adalah berbeza. Mengetahui perkara serta peluang yang perlu direbut ketika di Raudhah.

KELAS BIMBINGAN AL-QURAN / IQRA'



Kelas bimbingan yang menggunakan **Ujian Biometrik (Opsyen)** sebagai dasar paling utama sebelum memulakan sesi bimbingan Al-Quran

- Konsep pembelajaran yang meraikan dominasi karakter pelajar yang terkandung dalam Biometrik. (Pelajar perlu menjalani Ujian Personaliti Biometrik untuk mengetahui kaedah pembelajaran & hafazan yang sesuai mengikut Kecerdasan Personaliti).

Individu juga boleh memilih untuk kelas bimbingan menggunakan **Kaedah Biasa**, di mana klien tidak menjalani Ujian Biometrik terlebih dahulu.

- Kelas bimbingan oleh PIC ini sangat sesuai bagi individu yang inginkan privasi dan fokus bimbingan secara individu dalam mempelajari Iqra' / Al-Quran.
- Kelas ini sesuai untuk kanak-kanak dan dewasa, tanpa mengira umur dan jantina.
- Tenaga pengajar adalah bertauliah dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan berkelulusan Sarjana Muda Pengajian Islam.

CORPORATE CARE PROGRAMME (CCP)



Satu sokongan menyeluruh dari aspek psikologi yang boleh diimplimentasi oleh organisasi terhadap kakitangan:

- **Kaunseling-** Merupakan sesi pertemuan secara bersemuka di antara Kaunselor / Ahli Psikologi dengan Klien yang diadakan secara sukarela. Semasa sesi, Kaunselor / Ahli Psikologi akan memberi kefahaman kepada Klien tentang matlamat serta limitasi sesi yang dilaksanakan. Di antara isu yang boleh dibincangkan bersama Kaunselor / Ahli Psikologi adalah seperti; **Tekanan (Stres), Kemurungan, Masalah Tempat Kerja, Perhubungan, Konflik Diri, Kewangan, Keluarga, Rumah tangga, Identiti dan Kerjaya.**
- **Profiling psikologi –** Sebuah rekod dan simpanan data psikologi (profiling psikologi) yang boleh digunakan oleh HR untuk maklumat seperti personaliti kakitangan, kekuatan, kelebihan, kekurangan, tahap motivasi dan kesihatan mental seseorang kakitangan.
- **Latihan –** Pengendalian latihan organisasi. Modul kursus yang dibangunkan oleh kami adalah menepati serta bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa organisasi. Di antara latihan yang diberikan adalah dari sudut psikologi dan kewangan yang dikendalikan oleh penceramah yang berkelulusan dan berpengalaman luas. *Syllabus* latihan adalah *customade* berdasarkan keperluan organisasi
- **Ujian Biometrik–** Satu kaedah biometrik untuk organisasi dimana *HR Department* akan mengetahui tahap psikologi dan personaliti yang sesuai untuk urusan penempatan di dalam sesebuah jabatan/bahagian. *THE RIGHT MAN IN THE RIGHT PLACE.*



HARAPAN KAMI

Setiap individu mampu membentuk lingkungan perkembangan psikososial mereka dengan baik, dan mencapai celik akal dengan cepat. Justeru, di PSYCHOLOGY ISLAMIC CENTER, ahli Terapi, ahli Psikologi dan Kaunselor yang diamanahkan akan membantu untuk mencapai sokongan Psikologi berdasarkan tahap perkembangan dan keperluan yang telah dikenal pasti melalui medium yang dinyatakan di atas. Kejayaan bagi kami adalah apabila klien beroleh celik akal (insight) daripada program mahupuan perkhidmatan yang diterima.

A photograph of a modern, multi-story office building with a glass facade. The building is labeled "KENWINGSTON BUSINESS CENTRE". A red arrow points from the text on the right side of the slide towards the entrance of the building, which is circled in red.

PSYCHOLOGY ISLAMIC CENTER

**02-01, KENWINGSTON BUSINESS CENTRE,
PERSIARAN BESTARI, CYBER 9
63000 CYBERJAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
011-5858 2949 / 03-8322 4922
admin@picenter.com.my
www.picenter.com.my**